(d) Angkor	Jayavarman II	Suryavarman II Jayavarman VII	Meluaskan empayar ke sekitar Lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar. Berjaya menghalang ancaman Champa dan Dai Viet. Mewujudkan jalinan perdagangan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar. Meluaskan empayar hingga ke sempadan Annam. Membina Angkor Thom dan 102 buah hospital.
(e) Majapahit	Raden Wijaya	Patih Gajah Mada	Mengembalikan keamanan dan keselamatan kerajaan. Meluaskan tanah jajahan ke timur Pulau Jawa, pesisir pantai timur Sumatera, pesisir selatan dan barat Pulau Borneo, bahagian selatan dan timur Sulawesi dan Kepulauan Maluku.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 14 – 19

1.4 Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman

NOTA VISUAL

5. Namakan kerajaan luar yang muncul sezaman dengan kerajaan Alam Melayu. TP 1

SP 5.1.4

(a) **Abad pertama:**

(i) Empayar Rom (ii) Empayar Parsi (iii) Empayar Kushan

(b) **Abad kesembilan:**

(i) Empayar Byzantine (ii) Empayar Abbasiyah (iii) Empayar Chola

(c) **Abad ke-14:**

(i) Empayar Mongol (ii) Kerajaan Turki Uthmaniyah (iii) Kesultanan Delhi

6. Terangkan kesan hubungan diplomatik kerajaan Alam Melayu berikut dengan kerajaan China dan India.

SP 5.1.4 TP 5

	China	India
Funan	(a) Mendapat bantuan ketenteraan untuk menentang Dai Viet.	(b) Memperkukuh hubungan perdagangan dan keagamaan dengan India.
Majapahit	(c) Menjalinkan hubungan persahabatan.	(d) Mengeratkan hubungan persahabatan.
Srivijaya	(e) Mendapat pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan.	(f) Mengeratkan hubungan persahabatan dan keagamaan.
Angkor	(g) Memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan.	(h) Mengeratkan hubungan persahabatan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Jelaskan faktor wujudnya hubungan antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar. **TP 4**

SP 5.1.4

KBAT Menganalisis

Kedudukan strategik di laluan perdagangan timur dan barat.

Kerajaan Alam Melayu kaya dengan hasil bumi.

Sikap keterbukaan pemerintah kerajaan Alam Melayu.

8. Pemimpin Kerajaan Alam Melayu mengadakan hubungan luar dengan kerajaan India dan China. Apakah manfaat yang diterima oleh kerajaan Alam Melayu daripada tindakan tersebut? **TP 5**

SP 5.1.4

KBAT Menilai

Mengekalkan keamanan dalam negara melalui perlindungan yang diperolehi daripada negara China dan India.

Meningkatkan kemajuan perdagangan kerana memperoleh bahan dagangan daripada luar.

Mendapat keuntungan kepada negara melalui pembekalan barang dagangan.

Keselamatan negara terjamin.

Kemasukan pengaruh budaya dari luar.

9. Kerajaan Alam Melayu merupakan kerajaan yang penting dan setanding dengan kerajaan luar yang lain. Sebagai generasi muda, apakah nilai yang dapat anda pelajari dalam mengekalkan kegemilangan? **TP 6**

SP 5.1.4

KBAT Mengaplikasi

Berbangga dengan kemajuan negara.

Gigih berusaha untuk memajukan negara.

Berdaya saing dengan negara lain.

Mengutamakan perdamaian.

Bijak mengatur hubungan luar.

10. Lakukan aktiviti berikut.

SP 5.1.4

Aktiviti

PAK-21 **TP 6**

(a) Guru mengedarkan sehelai kertas kosong kepada setiap murid.

(b) Guru memberikan arahan kepada murid, iaitu:
- (i) Guru akan membacakan soalan sebanyak dua kali.
  - Namakan kerajaan Alam Melayu yang masyhur.
  - Nyatakan tujuan kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan dengan kerajaan China.
- (ii) Murid-murid dikehendaki menjawab secara bertulis dalam tempoh 3 minit.
- (iii) Murid-murid mula menulis apabila guru menyebut "mula".

(c) Murid-murid membuat satu kesimpulan tentang kerajaan Alam Melayu apabila aktiviti berakhir.

CETUS IDEA

KBAT EKSTRA

PRAKTIS REFLEKSI
Bab 1

KUIZ GAMIFIKASI
Bab 1

KOMIK 1
Kerajaan Awal Alam Melayu

Tahap Penguasaan Bab 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 1

Bahagian A

1. Buku Teks ms. 6 Siapakah tokoh yang mengemukakan pandangan berikut?

> Kepulauan Melayu meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim dan Kepulauan Nicobar, Filipina dan Kepulauan Solomon hingga Papua New Guinea.

A Profesor Dr. Ding Choo Ming
B Sutan Takdir Alisjahbana
C Abdul Hadi Haji Hassan
(D) Alfred Russel Wallace

Aras R Mengingat

2. Buku Teks ms. 6 Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas di Alam Melayu.
Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

(A) Mudah dipelajari
B Tiada bahasa asing
C Perkembangan intelektual
D Galakan daripada pemerintah

Aras S Memahami

3. Buku Teks ms. 7 Apakah nilai serumpun yang wujud dalam masyarakat Alam Melayu?

(A) Gotong-royong
B Keusahawanan
C Kematangan pemikiran
D Permainan wayang kulit

Aras S Menilai

4. Buku Teks ms. 8 Pilih padanan yang **tepat**.

	Kerajaan Alam Melayu	Pusat Kerajaan
(A)	Funan	Vyadhapura
B	Gangga Nagara	Trowulan
C	Majapahit	Palembang
D	Champa	Hariharalaya

Aras S Mengingat

5. Buku Teks ms. 9 Apakah faktor kemerosotan kerajaan Funan?

A Bencana alam
B Ancaman Dai-Viet
C Penjajahan kuasa asing
(D) Serangan kerajaan Chenla

Aras R Memahami

6. Buku Teks ms. 15 Pada abad ke-14, kemunculan kerajaan Angkor sezaman dengan empayar Mongol dan

A Dinasti Tang
B Empayar Rom
(C) Kesultanan Delhi
D Kerajaan Abbasiyah

Aras S Mengingat

7. Buku Teks ms. 17 Siapakah pemerintah empayar Maurya yang mengembangkan ajaran Buddha?

(A) Asoka
B Jayavarman
C Suryavarman
D Chandragupta

Aras R Mengingat

8. Buku Teks ms. 18 Apakah hubungan antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang sezaman dengannya?

(A) Hubungan diplomatik
B Hubungan intelektual
C Hubungan ketenteraan
D Hubungan kekeluargaan

Aras R Memahami

9. Buku Teks ms. 18 Apakah tujuan kerajaan Kedah Tua menjalinkan hubungan dengan kerajaan China?

A Mendapat pengiktirafan
B Menyebarkan agama Buddha
C Meminta bantuan ketenteraan
(D) Memperkukuh hubungan perdagangan

Aras S Menganalisis

10. Buku Teks ms. 19 Mengapakah kerajaan Majapahit menghantar utusan ke India pada abad ke-14?

A Mendapatkan pengiktirafan
B Memohon bantuan ketenteraan
(C) Mengeratkan hubungan persahabatan
D Memperkukuh hubungan perdagangan

Aras S Menganalisis

ePRAKTIS EKSTRA

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

1. Kerajaan Angkor merupakan antara kerajaan Alam Melayu yang telah mencapai zaman kemasyhurannya yang tersendiri.

Buku Teks ms. 10

(a) Nyatakan pemerintah yang masyhur dalam kerajaan Angkor.

(i) Suryavarman II

(ii) Jayavarman II / Jayavarman VII

Aras R Mengingat [2 *markah*]

(b) Huraikan sumbangan pemerintah di **1**(a) dalam menonjolkan kemasyhuran kerajaan Angkor.

Jayavarman II mengasaskan kerajaan. Jayavarman II menyatukan wilayah dalam kerajaan di Lembah Sungai Mekong.

Suryavarman II meluaskan empayar Angkor ke sekitar Lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar.

Suryavarman II berjaya menghalang ancaman Champa dan Dai Viet. Suryavarman II berjaya mewujudkan jalinan perdagangan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar.

Aras S Menilai [4 *markah*]

(c) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah nilai yang boleh diteladani oleh pemimpin negara kita daripada pemerintah Angkor?

Mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman kuasa asing.

Memperkuatkan angkatan tentera bagi menghadapi serangan musuh jika berlaku.

Mementingkan kebajikan rakyat. Menyediakan kemudahan asas untuk rakyat.

Bijak merancang pembangunan negara.

Memegang teguh kepercayaan agama.

(*Mana-mana jawapan munasabah*)

Aras T Mengaplikasi [4 *markah*]

KLU SOALAN

Kerajaan Alam Melayu membangun dan maju setanding dengan kerajaan luar lain yang lebih besar dan popular.

2. Kerajaan Alam Melayu merupakan kerajaan yang penting dan mempunyai tamadun tinggi yang setanding dengan kerajaan luar yang lain.

(a) Namakan **tiga** kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Funan.

(i) Empayar Rom

(ii) Empayar Parsi

(iii) Dinasti Han

Aras R Mengingat [3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Nyatakan **tiga** bentuk hubungan yang terjalin antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar.

(i) Hubungan perdagangan

(ii) Hubungan keagamaan

(iii) Hubungan diplomatik

Aras R Memahami [3 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesimpulan yang dapat dibuat tentang hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar?

Kerajaan Alam Melayu bersifat terbuka.

Jalinan hubungan membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu.

Pemerintah kerajaan Alam Melayu bijak menguruskan hubungan kerajaannya dengan kerajaan luar.

Saling menghormati dalam menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar.

Hubungan dengan kerajaan luar membawa kesejahteraan kepada kerajaan Alam Melayu.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Aras S Menganalisis [4 *markah*]

Bahagian C

KLU SOALAN

Kerajaan Angkor berpusat di Hariharalay diasaskan oleh Jayavarman II. Beliau telah menyatukan wilayah di Lembah Sungai Mekong. Peluasan empayar Angkor diteruskan oleh Suryavarman II dan Jayavarman VII.

1. Gambar berikut menunjukkan Angkor Thom yang dibina oleh Jayavarman VII.

Buku Teks ms. 10



(a) Terangkan kemasyhuran kerajaan Angkor.

Aras S Memahami [6 *markah*]

(b) Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kemasyhuran kerajaan Alam Melayu?

Aras T Menilai [8 *markah*]

(c) Pada pandangan anda, apakah aspek yang perlu ditekankan oleh kerajaan Malaysia jika ingin menjadi sebuah negara yang masyhur?

Aras T Mencipta [6 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Panduan Tugasan Sejarah

Pengertian

(a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
(b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

Ciri

(a) Data yang mendalam dan teliti daripada pelbagai sumber.
(b) Pemerhatian dan empati.
(c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.

Tujuan

(a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
(b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
(c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
(d) Pengesahan dapatan.

Fokus

(a) Individu, situasi tempatan atau peristiwa.
(b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
(c) Perkara berkaitan dengan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda dan monumen.

Langkah-langkah pelaksanaan tugasan



Contoh Laporan Tugasan Sejarah
https://plus.pelangibooks.com/Resources/ModulKompetensiPBD/SejarahT2/LaporanTugasanSejarah.pdf

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Pertengahan Sesi Akademik

UPSA

Bahagian A
[20 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

SKOR /80

Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bulatkan jawapan yang paling tepat.*

1. Konsep Alam Melayu boleh dilihat dari sudut
I tokoh
II budaya
III geografi
IV ekonomi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu yang masyhur.

- Pusat kerajaan di Indrapura.
- Diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.

Apakah kerajaan tersebut?
A Kerajaan Funan
B Kerajaan Angkor
C Kerajaan Champa
D Kerajaan Kedah Tua

3. Pilih pasangan yang **betul**.

	Kerajaan	Pengasas
A	Funan	Fan Shih-man
B	Angkor	Kaundinya
C	Srivijaya	Jayavarman II
D	Majapahit	Raden Vijaya

4. Apakah kerajaan sezaman dengan kerajaan Funan yang muncul pada abad pertama?
A Empayar Rom
B Kerajaan Chola
C Empayar Byzantine
D Kerajaan Abbasiyah

5. Apakah kepentingan hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China dan India?
A Meningkatkan taraf hidup
B Memajukan kegiatan pertanian
C Menguatkan bidang pertahanan
D Memperkukuh hubungan perdagangan

6. Apakah peranan pembesar dalam sistem pemerintahan kerajaan Champa?
A Mengutip cukai
B Menguruskan pentadbiran
C Menjaga kedaulatan kerajaan
D Membangunkan kegiatan perdagangan

7. Apakah yang boleh dikaitkan dengan penemuan inskripsi pada Telaga Batu?



A Salasilah pemerintah kerajaan Angkor
B Sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya
C Undang-undang dalam kerajaan Majapahit
D Upacara keagamaan dalam kerajaan Funan

8. Kepercayaan awal masyarakat kerajaan Alam Melayu ialah animisme dan dinamisme.
Apakah ciri utama kepercayaan tersebut?
A Bersifat ketuhanan
B Mengukuhkan kedudukan raja
C Berkait rapat dengan alam sekeliling
D Peraturan ditentukan oleh ketua adat

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

1. (a) Lengkapkan jadual berikut tentang kerajaan Angkor.

(i)	**Lokasi**	Lembah Sungai Mekong
(ii)	**Pengasas**	Jayavarman II
(iii)	**Pusat kerajaan**	Hariharalaya

[3 *markah*]

(b) Senaraikan sumbangan Jayavarman VII.
Meluaskan empayar Angkor hingga ke sempadan Annam.
Membina Angkor Thom.
Mendirikan 102 buah hospital.

[3 *markah*]

(c) Cadangkan cara untuk menghargai sumbangan pemerintah.
Membina muzium atau memorial. Menulis bibliografi atau buku tentang sumbangan pemerintah tersebut. Menulis sajak atau puisi tentang pemerintah tersebut. Meletakkan nama pemerintah tersebut pada tempat, jalan atau bangunan.

[4 *markah*]

2. Gambar menunjukkan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.



(a) Nyatakan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.
(i) Pertanian/ Perdagangan
(ii) Hasil hutan dan laut/ Perlombongan dan pembuatan

[2 *markah*]

(b) Senaraikan pelabuhan yang menjadi tempat pengumpulan hasil hutan dan laut kerajaan Alam Melayu.
(i) Oc-Eo
(ii) Palembang
(iii) Yasodharapura
(iv) Pangkalan Bujang

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C
[20 *markah*]
Jawab **satu** *soalan sahaja.*

1. (a) Jelaskan kepercayaan awal masyarakat Alam Melayu berikut:

(i) Animisme

Kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan, dan tumbuhan memiliki roh atau semangat. Kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan roh nenek moyang yang dipanggil hyang untuk memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan atau menghindar kesusahan di dunia.

[3 *markah*]

(ii) Dinamisme

Kepercayaan terhadap kekuatan yang dikenali sebagai mana. Setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai mana yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang. Upacara pemujaan tanaman dilakukan untuk mendapat hasil tanaman yang subur dan banyak.

[3 *markah*]

(b) Bandingkan perkembangan agama dalam kerajaan Champa dengan kerajaan Srivijaya.

Perkembangan agama dalam kerajaan Champa – Agama Hindu telah tersebar semasa pemerintahan Bhadravarman sejak abad keempat. Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son yang dikenali sebagai Siva-Bhadresvara dan di Po Nagar. Penyebaran agama Buddha dibuktikan dengan pembinaan Candi Dong Duong. Penyebaran agama Islam pula dibuktikan melalui penemuan batu bersurat bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039 di Panduranga. Islam mulai tersebar pada abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin. Perkembangan agama dalam kerajaan Srivijaya – Menjadi pusat kegiatan agama Buddha sejak abad ketujuh. Pendeta Buddha bernama I-Tsing dari China pernah datang ke Srivijaya. Bertujuan untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha. Candi Buddha yang terkenal ialah Candi Muara Jambi, Candi Muara Takus, dan Candi Bahal.

[8 *markah*]

(c) Cadangkan cara menghormati agama kaum lain.

Menerima kepelbagaian agama dan kepercayaan. Menghormati amalan kepercayaan masyarakat. Mengetahui adat dan pantang larang rumah ibadat kaum lain. Tidak mempersendakan kepercayaan kaum lain. Menghormati rumah ibadat kaum lain. Menjaga sensitiviti masyarakat.

(*Mana-mana jawawapan yang munasabah*)

[6 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik

UASA

ePT+ JSU UASA EKSTRA

Bahagian A
[20 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

SKOR /80

Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bulatkan jawapan yang paling tepat.*

1. Apakah yang dapat dibuktikan daripada persamaan bunyi perkataan berikut?

Bahasa Melayu	Empat
Bahasa Jawa	Papat
Bahasa Tagalog	Apat

A Alam Melayu kawasan yang luas
B Bahasa di Alam Melayu adalah serumpun
C Alam Melayu hanya didiami oleh orang Melayu
D Masyarakat Alam Melayu menggunakan bahasa yang sama

2. Apakah nilai budaya serumpun masyarakat Alam Melayu yang masih diamalkan hingga hari ini?
A Pelayaran
B Gotong-royong
C Kegiatan keagamaan
D Perdagangan antarabangsa

3. Apakah kerajaan yang menggunakan gelaran Kurung Bnam?
A Funan
B Angkor
C Srivijaya
D Majapahit

4. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Angkor memajukan penanaman padi?
A Membina *baray*
B Meluaskan empayar
C Menanam padi di sekitar tasik
D Menggunakan benih padi bermutu tinggi

5. Apakah yang dapat dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Talang Tuwo?



A Pusat agama Buddha
B Undang-undang bertulis
C Lambang keagungan kerajaan
D Pengaruh Sanskrit dalam bahasa Melayu

6. Antara berikut, yang manakah tergolong sebagai golongan pemerintah?
A Artisan
B Bangsawan
C Pekerja istana
D Tawanan perang

7. Apakah ciri utama kepercayaan animisme dan dinamisme?
A Bersifat ketuhanan
B Mengukuhkan kedudukan raja
C Berkait rapat dengan alam sekeliling
D Peraturan ditentukan oleh ketua adat

8. Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui penggunaan gelaran Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau?
A Membuktikan kekayaan raja
B Mengesahkan kesucian raja
C Menentukan bidang kuasa raja
D Menggambarkan kebesaran raja

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Kerajaan Alam Melayu mempunyai hubungan luar dengan kerajaan China dan India.

(a) Nyatakan bentuk hubungan yang dijalinkan oleh kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang lain.

(i) Perdagangan

(ii) Keagamaan

(iii) Diplomatik

[3 *markah*]

(b) Apakah tujuan kerajaan Alam Melayu mengadakan hubungan tersebut?

Funan ingin memohon bantuan ketenteraan dengan China untuk melawan Dai Viet. Champa ingin memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu China iaitu Dai Viet. Srivijaya mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan dengan China. Kedah Tua ingin memperkukuh hubungan perdagangan dengan China. Angkor ingin memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan dengan China. Majapahit ingin menjalinkan hubungan persahabatan dengan China. Funan dan Srivijaya ingin mengeratkan hubungan persahabatan dan hubungan keagamaan dengan India. Angkor dan Majapahit ingin mengeratkan hubungan persahabatan dengan India.

[3 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperoleh oleh kerajaan Alam Melayu melalui hubungan luar yang dijalin dengan kerajaan luar?

Kemakmuran kerajaan. Ekonomi negara meningkat. Pengaruh agama Hindu Buddha dapat diperkukuhkan. Keselamatan negara terjamin. Memperoleh lebih banyak barang dagangan. Kegemilangan negara.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

[4 *markah*]

2. Masyarakat kerajaan Alam Melayu menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, mengutip hasil hutan dan laut, serta perlombongan dan pembuatan.

(a) Nyatakan kegiatan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Padi. Rempah ratus. Kegiatan pertanian lain/ pisang/ tebu/ bijan/ kekacang/ kelapa/ sayuran/ buah-buahan/ menangkap ikan/ mendapatkan kulit kura-kura.

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

[20 *markah*]

Jawab **satu** *soalan sahaja.*

1. (a) Perihalkan latar belakang Kesultanan Johor-Riau.

Diasaskan oleh Raja Ali. Menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah 1. Bendahara Seri Nara Diraja dititahkan untuk menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di pesisir Sungai Johor. Membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua. Terletak berhampiran sungai yang lebar dan dalam memudahkan kapal untuk keluar masuk. Kawasan berbukit-bukau menjadi benteng pertahanan daripada ancaman luar. Kota Kara di Pekan Tua telah diserang dan dimusnahkan oleh Portugis pada tahun 1535. Sultan Alaudin Riayat Shah berundur dan membuka pusat pemerintahan di Kota Sayong. Kawasan ini lebih selamat kerana kapal perang musuh sukar melintasi sungai yang sempit. Pusat pemerintahan dipindahkan ke Kota Batu, Johor Lama yang juga dikenali sebagai Tanjung Batu. Kedudukannya strategik di Sungai Johor yang lebar dan dalam memudahkan kapal dagang keluar masuk.

[6 *markah*]

(b) Huraikan cabaran persaingan kuasa yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau dalam menuju ke arah kegemilangannya.

Persaingan Johor - Acheh - Portugis untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka. Dikenali sebagai Perang Tiga Segi / Perang Seratus Tahun. Johor menyerang Portugis di Melaka kerana hendak merampas semula Melaka daripada Portugis. Acheh menyerang Johor kerana perdagangan tergugat. Acheh menyerang Portugis di Melaka kerana hendak menguasai perdagangan Acheh. Portugis menyerang Johor kerana adanya Pakatan Johor dan Acheh. Berakhir apabila Johor memberikan bantuan kepada Belanda untuk mengalahkan Portugis dan menguasai Melaka. Acheh pula mengalami kemorosotan selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani.

[6 *markah*]

(c) Terdapat banyak cabaran lain yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau. Terangkan iktibar yang boleh dipelajari daripada kejayaan Kesultanan Johor Riau dalam menghadapi cabaran tersebut.

Mengamalkan semangat perjuangan yang tinggi. Tidak berputus asa. Mempunyai strategi yang bijak dalam mencapai matlamat. Mengadakan pakatan/kerjasama dengan negara luar. Sentiasa menjaga kedaulatan negara daripada campur tangan kuasa asing. Mempunyai kelengkapan tentera yang mantap. Mengukuhkan sistem pertahanan negara. Bersatu-padu antara rakyat dengan pemimpin. Menjaga keamanan dalam negara.

[8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

Bab 1

1.1 Konsep Alam Melayu

1. (a) Malaysia; Singapura; Thailand
(b) Tenasserim; Solomon; Papua New Guinea
(c) Madagaskar; Australia; Taiwan
(d) Melayu; Thailand
(e) Selatan Myanmar; Indonesia; Brunei

1.2 Kewujudan Kerajaan di Alam Melayu

2. (a) Kerajaan Funan
(b) Kerajaan Champa
(c) Kerajaan Srivijaya
(d) Kerajaan Angkor
(e) Kerajaan Majapahit
(f) Kerajaan Kedah Tua
(g) Kerajaan Gangga Nagara

3. (a)
- Sungai membekalkan air minuman/ kegunaan harian.
- Sungai mengairi kawasan pertanian.
- Sungai merupakan laluan perhubungan dan pengangkutan yang penting.

(b)
- Kerajaan Alam Melayu mampu membina tamadun/ kegemilangan yang agung.
- Kawasan yang kita diami mempunyai warisan kerajaan yang agung.

1.3 Kerajaan Alam Melayu yang Masyhur

4. (a) Pengasas: Kaundinya
Pemerintah masyhur: Fan Shih-man
Kemasyhuran:
- Meluaskan empayar ke Sungai Mekong hingga Teluk Cam Ranh.
- Menguasai selatan Myanmar dan Segenting Kra.
- Menguasai jalan perdagangan utama antara Timur dengan Barat.
- Menjadi pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

(b) Pengasas: Chu Lien
Pemerintah masyhur: Che Bong Nga
Kemasyhuran:
- Mengatasi ancaman Dai Viet.
- Meluaskan empayar ke wilayah Dai Viet hingga Lembah Sungai Merah.
- Berjaya membunuh Raja Tran Due Tong, pemerintah Dai Viet.
- Mendapat pengiktirafan Dinasti Ming pada 1369.

(c) Pengasas: Dapunta Hyang Sri Jayanasa
Pemerintah masyhur: Sangramadhananjaya
Kemasyhuran:
- Berjaya menakluk Sumatera, selatan Myanmar, Tanah Melayu dan Segenting Kra semasa pemerintahan Sangramadhananjaya pada abad kelapan.
- Menguasai jalan laut antarabangsa, iaitu Selat Melaka dan Selat Sunda.
- Menjadi kuasa perdagangan utama di Alam Melayu.
- Menjadi pusat pengajian agama Buddha.

(d) Pengasas: Jayavarman II
Pemerintah masyhur: Suryavarman II, Jayavarman VII
Kemasyhuran:
- Meluaskan empayar ke sekitar Lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar.
- Berjaya menghalang ancaman Champa dan Dai Viet.
- Mewujudkan jalinan perdagangan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar.
- Meluaskan empayar hingga ke sempadan Annam.
- Membina Angkor Thom dan 102 buah hospital.

(e) Pengasas: Raden Wijaya
Pemerintah masyhur: Patih Gajah Mada
Kemasyhuran:
- Mengembalikan keamanan dan keselamatan kerajaan.
- Meluaskan tanah jajahan ke timur Pulau Jawa, pesisir pantai timur Sumatera, pesisir selatan dan barat Pulau Borneo, bahagian selatan dan timur Sulawesi, dan Kepulauan Maluku.

1.4 Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman

5. (a) (i) Empayar Rom
(ii) Empayar Parsi
(iii) Empayar Kushan/ Dinasti Han

(b) (i) Empayar Byzantine
(ii) Kerajaan Abbasiyah
(iii) Kerajaan Chola/ Dinasti Tang

(c) (i) Empayar Mongol
(ii) Kerajaan Turki Uthmaniyah
(iii) Kesultanan Delhi

6. (a) Mendapat bantuan ketenteraan untuk menentang Dai Viet.
(b) Memperkukuh hubungan perdagangan dan keagamaan dengan India.
(c) Menjalinkan hubungan persahabatan.
(d) Mengeratkan hubungan persahabatan.
(e) Mendapat pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan.
(f) Mengeratkan hubungan persahabatan dan keagamaan.
(g) Memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan.
(h) Mengeratkan hubungan persahabatan.

7.
- Kedudukan strategik di laluan perdagangan timur dan barat.
- Kerajaan Alam Melayu kaya dengan hasil bumi.
- Sikap keterbukaan pemerintah kerajaan Alam Melayu.

8.
- Mengekalkan keamanan dalam negara melalui perlindungan yang diperolehi daripada negara China dan India.
- Meningkatkan kemajuan perdagangan kerana memperoleh bahan dagangan daripada luar.
- Keuntungan kepada negara melalui pembekalan barang dagangan.
- Keselamatan negara terjamin.
- Kemasukan pengaruh budaya dari luar.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.